

**NO. SOALAN: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 11 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7942**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini keberkesanan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) yang baru ditubuhkan dalam memantapkan pematuhan 'Prosedur Operasi Standard' (SOP) Polis Diraja Malaysia (PDRM). Apakah sistem pengukuran digunakan oleh jabatan untuk memastikan integriti PDRM terpelihara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 30 Jun 2009 dan Dewan Negara pada 9 Julai 2009 dan mula dikuatkuasakan pada 1 April 2011 yang bermatlamat untuk mempertingkatkan integriti agensi penguatkuasaan, mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguatkuasa dan memupuk keyakinan orang ramai terhadap agensi penguatkuasaan yang melibatkan (21) agensi penguatkuasaan termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM)**

**Selaras dengan penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) peringkat Bukit Aman telah ditubuhkan pada 14 Februari 2011 bagi menimbang keperluan pematuhan berkaitan dengan pelaksanaan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) berdasarkan kepada terma-terma yang telah ditetapkan.**

**Bagi memastikan lagi keberkesanan terhadap pematuhan kepada SOP, undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa oleh pegawai polis, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) telah ditubuhkan bagi menggantikan Bahagian Tatatertib PDRM.**

**Antara skop tugas JIPS adalah seperti berikut:-**

- i) Tugas kawal selia bagi memastikan semua arahan dan peraturan yang termaktub di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Pekeliling dan Arahan-arahan Pentadbiran semasa serta SOP dipatuhi oleh seluruh warga PDRM.**
  
- ii) Pemeriksaan *Integrity Testing* bagi memastikan barisan hadapan PDRM sentiasa siap siaga dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti selaras dengan kehendak pasukan.**
  
- iii) Memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan SOP yang berkuatkuasa.**

**Sejak JIPS ditubuhkan, pemeriksaan proaktif sentiasa dilakukan di seluruh Negara bagi menentukan pegawai polis sentiasa mengikut peraturan dan SOP yang telah ditetapkan dalam melaksanakan tugas harian. Statistik pemeriksaan yang telah dibuat seperti berikut:-**

<b>Bil</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Jumlah Diperiksa</b>
<b>1.</b>	<b>Oktober - Disember 2014</b>	<b>2026</b>
<b>2.</b>	<b>Januari - Mac 2015</b>	<b>485</b>

**Kaedah pengukuran yang dibuat untuk menentukan integriti PDRM sentiasa terpelihara selain daripada pemeriksaan proaktif yang dibuat secara berkala, pihak PDRM juga telah mengambil pendekatan seperti berikut:-**

**i) *BIG LEAGUE TABLE (BLT)***

***Big League Table (BLT)* diperkenalkan dengan kerjasama pihak PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri bagi mempertingkatkan tahap keyakinan masyarakat terhadap pasukan polis dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh balai polis di samping mengeratkan kerjasama antara masyarakat dan polis. BLT dilaksanakan dengan menggunakan *Scoring Model Princip* iaitu pengurusan berasaskan kriteria seperti tahap purata jenayah indeks, penilaian aspek kuantitatif seperti jenayah indeks, dan aktiviti dengan masyarakat. Manakala kualitatif seperti penilaian secara fizikal dan kajian kepuasan pelanggan.**

**ii) *JAWATANKUASA KEUTUHAN TADBIR URUS (JKTU)***

**JIPS merupakan *inisiatif owner* bagi Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dan bertanggungjawab untuk mengurus, merancang dan mentadbir perjalanan jawatankuasa ini. JKJU merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengenalpasti dan mengkaji kelemahan dalam sistem dan prosedur kerja kementerian, jabatan dan agensi yang lapuk ataupun terlalu rumit sehingga menimbulkan pelbagai kerenah**

birokrasi. Ini mungkin akan melemahkan pentadbiran, mengurangkan kecekapan, tiada akauntabiliti serta membuka ruang kepada karenah birokrasi, kelewatan, ketidakadilan dan terlalu banyak penggunaan budi bicara serta membuka peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah gunakuasa.

**iii) SISTEM KAWALAN DISPLIN DAN DADAH (SKDD)**

Pemeriksaan ke atas pelaksanaan Sistem Kawalan Displin dan dadah (SKDD) dijalankan dengan matlamat membantu anggota polis menjauhkan diri dari aktiviti penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan dadah dan termasuklah pengawalan berlakunya aktiviti rasuah. SKDD meliputi butir-butir peribadi, kerjaya, pendapatan dan harta dan laporan penyelia. Perjumpaan secara personal penyelia dan anggota yang diselia wajib dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan. Perjumpaan adalah bagi menyampaikan teguran, nasihat, arahan dan prestasi diri serta kebahagiaan keluarga.

Pemeriksaan SKDD akan dibuat secara berkala sepanjang tahun bagi menentukan SKDD berkenaan telah dikemaskini oleh pihak penyelia. Statistik Pemeriksaan SKDD yang telah dibuat seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>TEMPOH</b>	<b>JUM. DIPERIKSA</b>
<b>1.</b>	<b>Oktober – Disember 2014</b>	<b>2856</b>
<b>2.</b>	<b>Januari – Mac 2015</b>	<b>1446</b>

**Dengan penubuhan JIPS, integriti PDRM diharapkan akan sentiasa terpelihara dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan polis akan terus relevan.**